



BAB
KEENAM

BAB KEENAM

PENUTUP

6.0 Pendahuluan

Hubungan *damīr* dengan struktur ayat bahasa Arab begitu penting. Malah sebenarnya *damīr*lah yang menjadi teras binaan struktur ayat bahasa Arab, mendasari ikatan perkataan dengan perkataan dalam pembentukan ayat yang sempurna maknanya dan seterusnya membentuk kefahaman kepada maksud yang ingin disampaikan.

6.1 Kesimpulan

Hasil dari penyelidikan berkaitan dengan tempat kembali *damīr ghā'ib* dalam al-Qur'an al-karim, dapat dinyatakan di sini beberapa kesimpulan yang dirasakan mampu memberi impak yang baik kepada perkembangan pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Keyakinan ini didorong oleh penemuan-penemuan yang diperolehi oleh penulis sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Hasil-hasil penyelidikan yang dapat penulis terjemahkan di sini ialah:

1. Hubungan di antara *damīr ghā'ib* dan tempat kembalinya begitu kuat dan ikatan ini tidak dapat dihapuskan. Tidak ada *damīr* yang tidak mempunyai tempat kembali.
2. *Damīr ghā'ib* dan tempat kembalinya memainkan peranan penting dari segi semantik dalam gaya bahasa dan uslub yang terdapat di dalam bahasa Arab. Ini dapat dilihat apabila maksud dan makna yang terbentuk hasil hubungan di antara

ḍamīr ghā'ib dan tempat kembalinya adakalanya mempunyai makna retorik yang tersirat.

3. Pengetahuan mengenai **ḍamīr ghā'ib** dan tempat kembalinya amat penting dalam memahami kandungan ayat-ayat suci yang terdapat di dalam al-Qur'an al-karim. Ini kerana terdapat dalam beberapa situasi makna ayat tersebut begitu bergantung kepada hubungan di antara **ḍamīr** dan tempat kembalinya.
4. Penggunaan **ḍamīr ghā'ib** di dalam al-Qur'an kadang kala membawa kepada interpretasi maksud pelbagai. Ia juga sebagai tanda **i'jāz** yang terdapat di dalam al-Qur'an. Kelebihan ini membolehkan ayat suci al-Qur'an al-karim dapat disesuaikan dengan aspek masa, tempat dan keadaan. Ini melambangkan bahawa al-Qur'an al-karim boleh dimanfaatkan pada setiap zaman dan ketika.
5. Makna yang ingin disampaikan dalam sesuatu ujaran atau ayat memainkan peranan penting dalam menentukan tempat kembali sesuatu **ḍamīr ghā'ib**. Ini dapat diperhatikan apabila **ḍamīr** merujuk kepada makna tempat kembali dan bukan lafaznya.
6. Dalam menentukan kedudukan tempat kembali **ḍamīr ghā'ib** khasnya, persejajaran ciri adalah unsur yang utama diberi tumpuan. Genus dan bilangan merupakan dua kriteria penting yang memastikan agar terbentuk persejajaran ciri di antara **ḍamīr** dan tempat kembalinya. **Ḍamīr** dan tempat kembalinya hendaklah selari dalam kedua-dua kriteria ini. Ini penting kerana peranan **ḍamīr** di dalam struktur ayat bahasa Arab ialah sebagai pengikat (**raḅt**).
7. Konsep persejajaran ciri yang terdapat dalam kaedah nahu bahasa Arab adalah merupakan salah satu ikatan yang menghubungkan di antara **mubtada'** dan **khabar, fi'l** dan **fā'il** dan lain-lain. Dalam menghubungkan di antara **ḍamīr ghā'ib** dan tempat kembalinya konsep persejajaran ciri turut berperanan sebagaimana peranannya dalam menghubungkan **mubtada'** dan **khabar, fi'l** dan

fa[‘]il dan sebagainya. Kontradiksi-kontradiksi yang berhubung konsep ini, di antara **damīr ghā’ib** dan tempat kembalinya dalam al-Qur’an merupakan satu anggapan yang salah dan telah dijawab oleh ahli-ahli tafsir dan ahli bahasa mengenainya. Di samping itu, penyimpangan-penyimpangan ini sebenarnya menzahirkan keistimewaan uslub bahasa yang terdapat di dalam al-Qur’an itu sendiri.

8. Kehalusan bahasa yang terdapat di dalam struktur ayat al-Qur’an al-karim dapat diperhatikan melalui penggunaan **damīr ghā’ib** dan tempat kembalinya di dalam al-Qur’an.
9. Kajian yang berkaitan dengan bahasa al-Qur’an membentuk kesedaran dan keyakinan kepada kita bahawa kitab ini sememangnya daripada Pencipta alam semesta ini, tidak lain dan tidak bukan, Allah s.w.t.

Kesimpulan bicara, bahasa Arab dan al-Qur’an al-karim tidak dapat dipisahkan. Segala kemukjizatan yang terdapat di dalam al-Qur’an al-karim hanya dapat diluahkan melalui bahasa Arab. Tidak mungkin kesenian yang terdapat di dalam al-Qur’an dapat diterjemahkan dengan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Begitu juga halnya dengan bahasa Arab. Segala kehalusan dan kelembutan yang terdapat di dalam bahasa Arab hanya dapat disempunakan dengan menggunakan aset yang satu iaitu al-Qur’an al-karim. Tepat sekali kalau kita bayangkan hubungan keduanya bagai isi dengan kuku.

6.2 Cadangan dan Saranan

Penulis juga merasakan terdapat beberapa cadangan yang perlu dikemukakan hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan. Cadangan-cadangan ini dirasakan dapat memberi impak yang baik kepada perkembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Oleh yang demikian, cadangan-cadangan ini ditujukan khusus kepada pelajar-pelajar dan tenaga-tenaga pengajar bahasa Arab.

6.2.1 Cadangan dan Saranan kepada Pelajar-Pelajar Bahasa Arab

1. Para pelajar bahasa Arab harus memahami konsep **ḍamīr** yang terdapat di dalam kaedah nahu bahasa Arab, khususnya berkaitan di antara **ḍamīr** dan tempat kembalinya.
2. Para pelajar bahasa Arab juga perlu mengenali bentuk-bentuk **ḍamīr** yang terdapat di dalam kaedah nahu bahasa Arab memandang ia agak berbeza dengan kaedah yang terdapat di dalam nahu bahasa Malaysia.
3. Para pelajar bahasa Arab juga perlu menguasai kemahiran yang berkaitan dengan **ḍamīr** dan tempat kembalinya bagi memudahkan para pelajar dalam memahami maksud yang terdapat di dalam sesuatu ayat bahasa Arab.
4. Penyelidikan berkaitan kajian bahasa al-Qur'an perlu diteruskan kerana ia merupakan asas yang penting kepada pengetahuan bahasa Arab.

6.2.2 Cadangan dan Saranan kepada Tenaga Pengajar Bahasa Arab

1. **Ḍamīr ghā'ib** memainkan peranan yang penting dalam struktur ayat bahasa Arab. Malah proses pengenalan kepada **ḍamīr** ini, perlu diperkenalkan di awal pembelajaran bahasa Arab. Ini kerana kejahilan mengenai **ḍamīr** ini akan menjadikan pelajar-pelajar bahasa Arab tidak dapat menguasai struktur ayat dengan baik dan seterusnya membawa kepada kegagalan dalam menguasai bahasa Arab.
2. Tenaga pengajar bahasa Arab perlu mencari metodologi pengajaran yang berkesan agar para pelajar dapat memahami konsep **ḍamīr** dan tempat kembalinya. Ini bagi memastikan para pelajar bahasa Arab mampu memahami dan membina ayat dengan betul.

3. Penekanan terhadap bab **damir** dan tempat kembalinya perlu terhadap para pelajar bahasa Arab memandang **damir** merupakan kunci yang utama kepada pemahaman teks dan pembinaan struktur ayat bahasa Arab.
4. Para pengajar bahasa Arab juga perlu melakukan analisis terhadap hasil kerja pelajar yang berkaitan dengan **damir** dan tempat kembalinya bagi mengkaji skop pandangan para pelajar terhadap kaedah dan konsep **damir** yang terdapat di dalam bahasa Arab. Ini bagi memastikan agar para pelajar bahasa Arab tidak terkeliru dengan konsep dan kaedah yang terdapat di dalam bahasa Malaysia

6.3 Penutup

Akhirnya penulis mengharapkan agar segala jerit perih yang dicurahkan ini dapat memberi saham kepada perkembangan sistem pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Biarpun usaha ini sekadar di pinggiran kalau dibandingkan dengan usaha-usaha yang telah dijalankan selama ini. Semoga kedaulatan bahasa Arab di Malaysia dapat ditegakkan.